



**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA  
KENYATAAN MEDIA  
BIL. 61/ 2020**

**GARIS PANDUAN PENCEGAHAN COVID-19 SEMPENA  
PILIHAN RAYA UMUM  
DEWAN UNDANGAN NEGERI (PRU DUN)  
SABAH KE-16**

1. Merujuk kepada kenyataan media YB Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, Menteri Kanan Pertahanan pada 22 September 2020, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memaklumkan bahawa Garis Panduan Pencegahan Covid-19 sepanjang urusan PRU DUN Sabah Ke-16 yang disiarkan pada 11 September 2020, adalah kekal dan terpakai selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang sedang berkuat kuasa.
2. Namun demikian, bagi kawasan Zon Merah, kempen rumah ke rumah perlu dikurangkan dan hanya seorang atau dua orang sahaja dibenarkan untuk masuk ke rumah bagi menjalankan kempen dengan syarat mematuhi penjarakan fizikal. Begitu juga bagi aktiviti ceramah yang dihadkan hanya kepada 30 orang sahaja tertakluk kepada permit yang dikeluarkan oleh pihak polis. Calon digalakkan memaksimumkan kaedah kempen menggunakan medium atas talian atau melalui saluran media sosial.

Sekian.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**  
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia  
Tarikh : 23 September 2020 / 5 Safar 1442H